

12 SEP 2001

Mahathir-Batal

MAHATHIR BATAL LAWATAN KE BRITAIN

SEPANG, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membatalkan lawatannya ke Britain dan belum memutuskan mengenai lawatan ke Rusia dan Germany berikutan kejadian serangan ke atas New York dan Washington pada Selasa.

Perdana Menteri membuat keputusan itu di saat akhir di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini malam tadi selepas mendengar taklimat mengenai kejadian serangan itu daripada Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Bercakap kepada pemberita di Kompleks Bunga Raya KLIA malam tadi, beliau berkata, jika keadaan kembali tenang hari ini, beliau mungkin akan terus ke Rusia.

Dr Mahathir berkata, keputusan itu diambil memandangkan bahawa keadaan tidak menentu akibat daripada serangan di New York dan Washington serta penutupan semua lapangan terbang di Amerika, beliau yakin semua pemimpin negara Eropah akan sibuk hari ini untuk menangani masalah itu.

Dr Mahathir dijadual berlepas ke London pada pukul 11 malam ini untuk lawatan singkat ke Britain sebelum meneruskan lawatan empat hari ke Rusia mulai Rabu dan kemudiannya lawatan tiga hari ke Jerman.

Perdana Menteri yang tiba di Kompleks Bunga Raya KLIA pada kira-kira pukul 10.45 malam terus mendengar taklimat daripada Ahmad Fuzi mengenai perkembangan terkini kejadian serangan di New York dan Washington itu.

Mereka yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri kelihatan bertepuk tangan setelah mendengar keputusan Dr Mahathir untuk membatalkan lawatannya ke London dan menangguhkan keputusan untuk lawatan ke Rusia dan Jerman.

Mereka yang berada di KLIA termasuklah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri-menteri Kabinet.

-- BERNAM

AFY AFY ZB